



Pengarah Urusan

Syarikat Pembekal Program TV Tempatan (Swasta)

Tuan,

KEPERLUAN PROGRAM TV TEMPATAN (SWASTA) UNTUK SIARAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2020 BAGI SALURAN TV1, TV2, TV OKEY DAN BES1

Dengan hormatnya ingin menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) ingin mempelawa syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) untuk menghantar tawaran program TV tempatan (swasta) berdasarkan keperluan saluran TV1, TV2, TV OKEY dan BES1.

3. Pihak tuan/puan diminta menghantar tawaran program mengikut keperluan yang diiklankan oleh RTM sebagaimana dalam *need statements*. Semua kertas cadangan hendaklah **didaftarkan** semasa sesi pendaftaran *pitching* yang akan diadakan pada **25 hingga 27 Februari 2019, bermula pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang di Lobi Wisma Berita, Angkasapuri, Kuala Lumpur. Taklimat** kepada semua pembekal akan diadakan pada **19 Februari 2019, bermula pukul 9.30 pagi di Auditorium Perdana, Wisma Radio, Angkasapuri, Kuala Lumpur.** Kehadiran adalah di**WAJIB**kan.

4. Kerjasama dan keprihatinan tuan/puan terlebih dahulu diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(BIBAH BINTI SAAD)

Timbalan Pengarah Seksyen Kandungan Program
Bahagian Pembangunan Strategik
b.p. Ketua Pengarah Penyiaran
Jabatan Penyiaran Malaysia